



PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
Jabatan Perdana Menteri
Aras -2, -1, 1 & 2, Setia Perdana 7
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : 03 8000 8000
Fax : 03 8888 3258
Portal Rasmi: www.cgso.gov.my

Ruj. Kami : CGSO.500-4/6/17 (69)(S)
Tarikh : 22 Ogos 2024

Semua Jabatan dan Agensi

Tuan/Puan,

URUSAN PENEMPATAN SECARA HAKIKI BAGI PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP14 SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG (KUP) / *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBK1) PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA (CGSO)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa CGSO akan melaksanakan urusan pengisian kekosongan jawatan **Pengawal Keselamatan Gred KP14 Secara Hakiki**. Tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan maklumat Pengawal Keselamatan Gred KP14 yang telah dinaikkan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) atau *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Kali Pertama (TBK1) yang layak dipertimbangkan berdasarkan syarat -syarat seperti yang berikut:-

- 2.1 Telah memilih opsyen **Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan sebagai Ketua Perkhidmatan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2010**;
- 2.2 Telah dinaikkan pangkat secara KUP atau TBK1 ke jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP14;
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2021, 2022 dan 2023) sekurang-kurangnya 80%;

‘RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN’



Certified to ISO 22301:2019
CERT NO.: 014-BC005

- 2.4 Telah mengisytiharkan harta dalam tempoh lima (5) tahun terkini;
 - 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
 - 2.6 Bebas daripada disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar dari institusi pinjaman pendidikan. Sekiranya ada mengambil pinjaman pendidikan tetapi masih belum membuat pembayaran atau pembayaran secara tidak konsisten, sila dapatkan pengesahan bebas disenaraikan sebagai peminjam pendidikan tegar daripada Institusi Pendidikan yang berkaitan;
 - 2.7 Bebas daripada tindakan tatatertib; dan
 - 2.8 Diperakukan Ketua Jabatan.
3. Untuk makluman tuan/puan, **pengisian bagi jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP14 di seluruh negara** adalah seperti berikut:

Bil.	Kementerian/Jabatan/Agensi
1.	Jabatan Perdana Menteri
2.	Bahagian Pengurusan Hartanah
3.	Bahagian Penyelidikan, Jabatan Perdana Menteri
4.	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi)
5.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
6.	Jabatan Perkhidmatan Awam
7.	Jabatan Peguam Negara
8.	Jabatan Perangkaan Malaysia
9.	Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia
10.	Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan
11.	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
12.	Parlimen Malaysia
13.	Kementerian Kewangan Malaysia

14.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
15.	Jabatan Laut Malaysia
16.	Kementerian Kerja Raya
17.	Kementerian Pelaburan, Perdagangan Dan Industri
18.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup
19.	Kementerian Komunikasi
20.	Jabatan Penyiaran Malaysia
21.	Kementerian Kesihatan Malaysia
22.	Agensi Antidadah Kebangsaan
23.	Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
24.	Kompleks Imigresen, Kastam Kuarantin & Keselamatan (ICQS)
25.	Jabatan Pertanian Malaysia
26.	Kementerian Pendidikan Malaysia
27.	Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (Mosti)
28.	Agensi Nuklear Malaysia
29.	Jabatan Kimia Malaysia
30.	Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia
31.	Jabatan Kebajikan Masyarakat
32.	Jabatan Muzium Malaysia
33.	Arkib Negara Malaysia

4. Semua permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B** seperti yang disertakan. Hanya calon yang **BERSEDIA** dan **SANGGUP** untuk bertukar sahaja dibenarkan memohon untuk urusan ini.

5. Maklumat yang telah lengkap dan disahkan oleh BPSM perlulah dikemukakan ke CGSO selewat-lewatnya pada **6 September 2024 (Jumaat)** melalui serahan secara emel atau secara *hardcopy* ke alamat berikut:-

**Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras -1, Setia Perdana 7
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA
(u.p. : Puan Nur Azhani binti Yunos)**

6. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan Ketua Kader bagi Skim Perkhidmatan KP, CGSO di jabatan masing-masing **WAJIB** memastikan hanya pegawai di bawah seliaan masing-masing yang melepasi syarat-syarat yang ditetapkan seperti di **Para 2** sahaja layak dikemukakan kepada CGSO. BPSM perlu menyemak setiap maklumat yang diberi adalah tepat dan berdasarkan buku rekod perkhidmatan pemohon. Sebarang kesilapan fakta boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan.
7. Sebarang keputusan bagi urusan penempatan secara hakiki termasuk pemilihan penempatan terhadap calon yang telah dikemukakan adalah tertakluk kepada keputusan Panel Pengurusan Sumber Manusia, CGSO.
8. Sebarang pertanyaan berhubung urusan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut :

8.1 Encik Mohd Hafiz bin Mohd Esa
03-88726158
hafiz.esa@cgso.gov.my

8.2 Puan Nurulhuda binti Ismail
03-88726110
nurulhudaismail@cgso.gov.my

9. Hebahan dan borang-borang berkaitan urusan penempatan hakiki ini boleh didapati melalui portal CGSO melalui pautan <https://www.cgso.gov.my> **serta Laman Sosial Rasmi CGSO seperti di *Facebook* dan *Instagram*.**

10. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"RAHSIAKAN RAHSIA KERAJAAN"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR AZHANI BINTI YUNOS)

Bahagian Khidmat Pengurusan

b.p. Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan

URUSAN : PENEMPATAN PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP14 (TBK1) SECARA HAKIKI DI

[illegible]

PERTIMBANGAN PENEMPATAN HAKIKI
PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA PERSEKUTUAN

PERAKUAN KETUA JABATAN

Saya * **memperakukan / tidak memperakukan**

(nama)

(no. kad pengenalan)

(jawatan)

untuk dipertimbangkan dalam pelaksanaan urusan Penempatan Hakiki Gred _____.
Perkhidmatan Bukan Gunasama Persekutuan

ULASAN KESELURUHAN :

Tandatangan :

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Cop Jabatan :